
Penggunaan Aplikasi Evokal : Persepsi Dan Keberkesanannya Dalam Kalangan Pelajar

Norni binti Abdul Wahab¹, Noraini binti Ismail²

^{1,2} General Studies Department, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun, Terengganu, Malaysia
E-mail: norni@psmza.edu.my, noraini@psmza.edu.my

Abstract

Kertas penyelidikan ini dihasilkan bertujuan untuk mengenalpasti persepsi dan keberkesanan penggunaan Aplikasi eVokal dalam kalangan pelajar politeknik, pelajar Kolej Komuniti dan pelajar Tingkatan 6. Aplikasi eVokal ini telah dibina oleh penyelidik bertujuan bagi memudahkan, mempercepatkan dan memaksimumkan kebolehan setiap pengguna aplikasi ini menggunakan sebutan vokal Melayu yang betul semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Responden terdiri daripada 33 pelajar politeknik, 4 pelajar Kolej Komuniti dan 51 pelajar sekolah. Maklumat diambil dalam bentuk kuantitatif dengan menggunakan kaedah secara tinjauan. Instrumen kajian menggunakan set soal selidik yang dibina menggunakan Google Form. Borang soalselidik ini mengandungi 3 bahagian iaitu bahagian A (demografi responden), bahagian B (persepsi) dan bahagian C (keberkesanan). Penggunaan skala likert 4 mata diguna pakai bagi menjawab setiap soalan di bahagian B dan C. Data yang diperoleh dianalisis bagi mendapatkan nilai peratus dan skor min menggunakan perisian Statistical Package for the Social Sciences (SPSS). Hasil analisis menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap persepsi (min 3.22) dan tahap keberkesanan (min 3.10) penggunaan yang sederhana. Kesimpulannya, pembinaan aplikasi ini sesuai digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bagi Kursus Bahasa Kebangsaan A, cuma perlu di tambah baik lagi elemen interaktif supaya keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dapat dicapai.

Kata kunci : Aplikasi eVokal, pelajar, persepsi, keberkesanan

This research paper was produced to identify the perception and effectiveness of using eVocal application among polytechnic students, community college students, and Form 6 students. This eVocal application has been built by researchers to facilitate, speed up, and maximize the ability of each user of this application to use the correct Malay vocal pronunciation during the teaching and learning process. The respondents consisted of 33 polytechnic students, 4 community college students, and 51 school students. The data is taken in quantitative form using an observation method. The research instrument uses a set of questionnaires built using Google Form. This questionnaire contains three parts: part A (respondent demographics), part B (perception), and part C (effectiveness). A 4-point Likert scale was used to answer questions in parts B and C. The data obtained was analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software to get the percentage value and mean score. The analysis result shows that respondents have a level of perception (mean 3.22), and a level of effectiveness (mean 3.10), moderate level of usage. In conclusion, this application is suitable to be used in teaching the National Language Course A subject. However, interactive elements need to be improved to achieve the effectiveness of the teaching and learning process.

Keywords: eVocal application, students, perception, effectiveness
